

## **KUNJUNGAN KHAS PAKAR ICT ANTARABANGSA KE PI1M BARIO**

Minggu lepas kami mendapat kunjungan khas daripada seorang pakar ICT antarabangsa dengan UNESCO (UNESCO Chair in ICT4D) Professor Tim Unwin dari University of London. Beliau merupakan pengasas kepada gerakan tersebut di London yang menggabungkan para ilmuan untuk membuat pelbagai kajian di Pusat Kajian Pelbagai Disiplin ICT4D di Royal Holloway, University of London.

Beliau begitu kagum dengan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Internet 1Malaysia Bario untuk kegunaan komuniti setempat. Dengan pengalamannya yang meluas dalam bidang ini, beliau sedar betapa sukarnya menyediakan kemudahan sebegini di sebuah kawasan yang terpencil seperti Dataran Tinggi Kelabit, Bario. Beliau memberi galakan supaya usaha ini diteruskan dan memberikan *thumbs up*nya kepada usaha ini. Organisasi beliau antara lain turut memberi tumpuan khas kajian dalam bidang ICT bagi golongan kurang berkemampuan *the poorest and the most marginalised* sama seiring dengan objektif Pi1M merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar. Kami di Pi1M Bario mengharapkan input daripada beliau pada kesempatan-kesempatan lain pada masa akan datang .



Professor Dr. Tim Unwin (tengah), founding Chairholder, Unesco ICT4D bersama dengan Pengurus Pi1M Bario, En. Agan (kanan) dan En. Lian Terawe (kiri), seorang pemandu pelancong tempatan.